- **Sekiranya anda sedang menggunakan Tablet 28-hari:** sila mula mengambil Nordette 21 Tablet pada hari selepas tablet aktif terakhir anda. Anda akan mempunyai perlindungan kontraseptif dengan tablet pertama anda. Anda tidak akan mengalami perdarahan sehingga selepas strip pertama Nordette 21 Tablet anda.

- **Sekiranya anda mengambil Tablet progestogen-sahaja** (POP atau “mini Tablet”): sila mulakan Nordette 21 Tablet pada hari pertama perdarahan, walaupun sekiranya anda telah mengambil Tablet progestogen-sahaja untuk hari tersebut. Anda akan mempunyai perlindungan kontraseptif dengan segera.

Memulakan Nordette 21 Tablet selepas keguguran atau pengguguran

Sekiranya anda telah mengalami keguguran atau pengguguran **semasa tiga bulan pertama** kehamilan, doktor anda mungkin meminta anda untuk mula mengambil Nordette 21 Tablet dengan segera. Ini bermakna anda akan mendapat perlindungan kontraseptif dengan tablet pertama anda.

Sekiranya anda telah mengalami keguguran atau pengguguran **selepas tiga bulan pertama** kehamilan, sila bertanya kepada doktor anda untuk nasihat. Anda mungkin perlu menggunakan pencegahan hamil tambahan, seperti kondom, untuk jangka masa pendek.

Pencegahan hamil selepas melahirkan anak


Anda boleh mula menggunakan Nordette 21 Tablet selepas 21 hari sekiranya anda **tidak** menyusukan anak dan telah melahirkan anak secara normal tanpa komplikasi dan anda boleh bergerak bebas sepenuhnya.

Sekiranya tablet dimulakan lebih daripada 21 hari selepas bersalin, maka pencegahan hamil alternatif, seperti kondom, harus digunakan sehingga pencegahan hamil oral dimulakan dan untuk 7 hari pertama daripada pengambilan tablet. Jika hubungan seks tanpa perlindungan telah berlangsung selepas 21 hari bersalin, maka pencegahan hamil oral tidak sepatutnya dimulakan sehingga pusingan haid pertama selepas kelahiran anak.

Doktor atau ahli farmasi anda boleh memberikan nasihat lanjut mengenai pencegahan hamil.

6.3 Terlepas suatu tablet

Sekiranya anda terlepas suatu tablet, sila ikuti arahan-arahan ini:



boleh menjadi hamil. Sila hubungi doktor atau ahli farmasi anda untuk nasihat dengan seberapa segera. Mereka mungkin mengesyorkan anda untuk menggunakan kontraseptif kecemasan.

daripada minggu pertama strip anda (hari 1 hingga 7) dan anda telah melakukan hubungan seks dalam minggu tersebut, anda boleh menjadi hamil. Sila hubungi doktor atau ahli farmasi anda untuk nasihat dengan seberapa segera. Mereka mungkin mengesyorkan anda untuk menggunakan kontraseptif kecemasan.

Sekiranya anda telah terlepas sebarang tablet di dalam strip, dan anda tidak berdarah pada rehat bebas-tablet pertama, anda mungkin hamil. Sila hubungi doktor atau ahli farmasi anda, atau lakukan ujian kehamilan oleh anda sendiri.

Sekiranya anda memulakan strip tablet baru dengan lewat, atau menjadikan ‘minggu rehat’ anda lebih lama daripada tujuh hari, anda mungkin tidak dilindungi daripada kehamilan. Sekiranya anda melakukan hubungan seks pada tujuh hari terakhir, sila bertanya kepada doktor atau ahli farmasi anda untuk nasihat. Anda mungkin perlu mempertimbangkan pencegahan hamil kecemasan. Anda juga harus menggunakan pencegahan hamil tambahan, seperti kondom, selama tujuh hari.

6.4 Sekiranya anda muntah-muntah atau mengalami cirit-birit

Sekiranya anda kurang sihat (muntah-muntah) atau mengalami cirit-birit yang sangat teruk, badan anda mungkin tidak mendapat dos hormon biasanya daripada tablet tersebut. Sila teruskan untuk mengambil tablet berikut anda pada masa biasa anda. **Sila gunakan pencegahan hamil tambahan, seperti kondom, semasa anda sakit dan untuk tujuh hari berikutnya selepas anda bertambah baik.** Sila ikuti arahan tersebut sekiranya anda terlewat lebih daripada 12 jam – sila lihat bahagian 6.3, Tablet yang terlepas.

Sila berbincang dengan doktor anda sekiranya ketakselesaian perut anda berpanjangan atau menjadi teruk. Beliau mungkin mengesyorkan bentuk pencegahan hamil lain.

6.5 Terlepas pusingan haid – mungkinkah anda hamil?

Sekali-sekala, anda mungkin terlepas perdarahan sarak. Ini mungkin bermakna bahawa anda hamil, tetapi ianya sangat tidak berkemungkinan jika anda telah mengambil tablet-tablet anda dengan betul. Sekiranya anda berpendapat bahawa anda mungkin telah meletakkan diri anda pada risiko kehamilan (sebagai contoh, dengan terlepas tablet atau mengambil ubat-ubat lain) anda harus melakukan ujian kehamilan sebelum anda memulakan pek anda yang berikutnya. Anda boleh membeli ujian kehamilan ini daripada farmasi atau mendapatkan ujian percuma di klinik perancang keluarga atau doktor anda. Sekiranya anda hamil, berhenti mengambil Nordette 21 Tablet dan berjumpa dengan doktor anda.

6.6 Mengambil lebih daripada satu tablet tidak seharusnya mengakibatkan kemudaratan

Ianya tidak mungkin bahawa mengambil lebih daripada satu tablet akan mendatangkan anda sebarang kemudaratan, tetapi anda harus bercakap dengan doktor anda secepat yang mungkin.

6.7 Mengambil Nordette 21 untuk sesuatu selain daripada pencegahan hamil

Doktor anda mungkin telah mempreskrib Nordette 21 Tablet untuk sesuatu selain daripada pencegahan hamil dan pada dos harian berbeza. Dos biasa adalah:

- a) **Pusingan haid menyakitkan (dismenorea) atau ketegangan pra haid:** Dos yang sama digunakan sebagaimana untuk pencegahan hamil oral (sila lihat 6.1, Bagaimana untuk mengambilnya). Anda mengambil satu tablet setiap hari selama 21 hari, kemudiannya mengambil rehat tujuh hari (bila anda tidak mengambil tablet) sebelum memulakan pek anda yang berikutnya.
- b) **Endometriosis:** Anda mengambil **dua tablet** setiap hari **secara berterusan** tanpa sebarang rehat.

- c) **Perdarahan rahim (uterus):** Anda mengambil **dua tablet** setiap hari selama 21 hari, kemudiannya mengambil rehat 7 hari. Bagi bulan pertama atau kedua, doktor anda mungkin meminta anda untuk mengambil 4 atau 5 tablet sehari. Walau bagaimanapun, sekiranya perdarahan daripada rahim anda adalah lebih serius, doktor anda mungkin meminta anda untuk mengambil 4 tablet dengan segera, kemudiannya 4-8 tablet sehari sehingga perdarahan dikawal.

7. Semasa menggunakan NORDETTE 21 TABLET

- **Perkara yang perlu dilakukan:**

- Anda akan memerlukan **pemeriksaan tetap** dengan doktor atau ahli farmasi anda, selalunya apabila anda memerlukan preskripsi tablet yang lain.
- Anda harus menjalani ujian **calitan serviks tetap**.
- **Sila periksa payudara dan puting anda** setiap bulan untuk perubahan – sila beritahu doktor anda sekiranya anda boleh melihat atau merasakan apa sahaja yang pelik, seperti benjolan atau cawak pada kulit.
- **Sekiranya anda memerlukan ujian darah** sila beritahu doktor anda bahawa anda mengambil tablet ini, kerana tablet ini boleh menjejaskan keputusan sesetengah ujian.
- **Sekiranya anda akan menjalani pembedahan**, sila pastikan doktor anda mengetahuinya. Anda mungkin perlu untuk berhenti mengambil tablet ini kira-kira 4-6 minggu sebelum pembedahan. Ini adalah untuk mengurangkan risiko bekuan darah. Doktor anda akan memberitahu anda bila anda boleh mula mengambil tablet ini semula.

- **Perkara yang perlu diberi perhatian:**

(a) **Tablet ini dan bekuan darah**

Tablet ini mungkin secara sedikit meningkatkan risiko anda untuk mengalami bekuan darah (dipanggil trombosis), terutamanya pada tahun pertama mengambilnya.

Bekuan pada pembuluh vena kaki – trombosis vena dalam (atau DVT) – tidak selalunya serius. Walau bagaimanapun, sekiranya ia bergerak ke atas melalui pembuluh vena ke paru-paru, ia boleh menyebabkan sakit dada, sesak nafas, pengan atau malah kematian. Ini dipanggil ‘embolisme pulmonari’ dan adalah sangat jarang.

Peluang anda untuk mengalami bekuan darah adalah hanya meningkat sedikit dengan mengambil tablet ini.

- Daripada 100,000 wanita yang **tidak menggunakan tablet ini** dan tidak hamil, kira-kira **5** akan mengalami bekuan darah dalam setahun.
- Daripada 100,000 wanita mengambil tablet seperti Nordette 21 Tablet, kira-kira **15** akan mengalami bekuan darah dalam setahun.
- Daripada 100,000 wanita yang **hamil**, kira-kira **60** akan mengalami bekuan darah dalam setahun.

Anda mempunyai lebih risiko untuk mengalami bekuan darah dalam pembuluh vena anda:

- bila anda menjadi **lebih tua**
- sekiranya anda **secara serius terlebih berat badan**
- sekiranya anda atau mana-mana keluarga terdekat anda pernah mengalami bekuan darah
- sekiranya anda mengalami sebarang **masalah pembekuan darah** yang memerlukan rawatan dengan ubat seperti warfarin
- sekiranya anda menghidapi penyakit perubatan tertentu yang jarang seperti **eritematosus lupus sistemik (SLE)**

Pfizer Confidential

- sekiranya anda **berbaring untuk masa yang panjang** kerana pembedahan besar, kecederaan atau keuzuran
- sekiranya anda telah mengalami satu atau lebih **keguguran**
- sekiranya anda **baru-baru ini telah melahirkan anak**

Sila beritahu doktor anda sekiranya mana-mana daripada faktor risiko ini berkenaan kepada anda. Mengambil tablet mungkin menambah kepada risiko ini maka Nordette 21 Tablet mungkin tidak sesuai untuk anda.

Tanda-tanda bekuan darah termasuk:

- **bengkak yang menyakitkan pada kaki anda**
- **sakit dada tiba-tiba**
- **kesukaran bernafas**

Sila berjumpa doktor dengan seberapa segera. Jangan mengambil sebarang Nordette 21 Tablet lagi sehingga doktor anda mengatakan anda boleh. Sila gunakan kaedah pencegahan hamil lain, seperti kondom, sementara itu.

Dengan sangat jarang, bekuan darah juga boleh terbentuk di dalam pembuluh darah jantung (menyebabkan **serangan jantung**) atau otak (menyebabkan **angin ahmar**). Pada wanita muda sihat peluang untuk mendapat serangan jantung atau angin ahmar adalah amat kecil.

Anda mempunyai lebih risiko untuk mengalami serangan jantung atau angin ahmar:

- apabila anda **bertambah tua**
- sekiranya anda menghadapi **tekanan darah tinggi**
- sekiranya anda **merokok**
- sekiranya anda menghadapi **denyutan jantung tidak sekata** (pemfibrilan atrium)
- sekiranya anda menghadapi penyakit perubatan tertentu yang jarang seperti **eritematosus lupus sistemik (SLE)**
- sekiranya anda atau seseorang dalam keluarga terdekat anda pernah mengalami **serangan jantung** atau **angin ahmar** pada usia muda
- sekiranya anda menghadapi **migrain**
- sekiranya anda menghadapi **diabetes**.

Sila beritahu doktor anda sekiranya mana-mana daripada faktor risiko ini berkenaan kepada anda. Mengambil tablet mungkin menambah kepada risiko ini maka Nordette 21 Tablet mungkin tidak sesuai untuk anda.

Tanda-tanda serangan jantung atau angin ahmar termasuk:

- **kesakitan menusuk tiba-tiba pada dada anda** yang mungkin merebak ke lengan kiri anda
- **kelemahan** atau **kebas** tiba-tiba pada satu belah atau sebahagian daripada badan anda
- sekiranya anda mengalami **migrain** buat pertama kali atau migrain yang lebih teruk daripada normal
- sebarang **perubahan tiba-tiba kepada penglihatan anda** (seperti kehilangan penglihatan atau penglihatan kabur)
- kepeningan, pengsan, pitam atau sawan

Sila berjumpa doktor dengan seberapa segera. Jangan mengambil sebarang Nordette 21 Tablet lagi sehingga doktor anda mengatakan anda boleh. Sila gunakan kaedah pencegahan hamil lain, seperti kondom, sementara itu.

(b) Tablet ini dan kanser

Tablet ini mengurangkan risiko anda kepada kanser ovari dan rahim sekiranya digunakan dalam jangka masa panjang. Walau bagaimanapun, ia juga kelihatan untuk meningkatkan sedikit risiko anda kepada **kanser serviks** – meskipun ini mungkin disebabkan oleh melakukan hubungan seks tanpa kondom, berbanding dengan tablet tersebut. Semua wanita harus menjalani **ujian calitan**.

Sekiranya anda menghadapi **kanser payu dara**, atau pernah menghidapinya pada masa lepas, anda tidak boleh mengambil tablet ini. Tablet ini meningkatkan secara sedikit risiko anda kepada kanser payu dara. Risiko ini meningkat dengan lebih lama anda menggunakan tablet ini, tetapi kembali kepada normal dalam masa kira-kira 10 tahun memberhentikannya. Kerana kanser payu dara adalah jarang pada wanita di bawah umur 40 tahun, kes-kes tambahan kanser payu dara pada pengguna tablet terkini dan baru-baru ini adalah kecil. Sebagai contoh:

- Daripada 10,000 wanita yang **tidak pernah mengambil tablet ini**, kira-kira **16** akan menghidapi kanser payu dara bila masa mereka berumur 35 tahun.
- Daripada 10,000 wanita yang **mengambil tablet ini selama 5 tahun pada awal dua puluhan**, kira-kira **17-18** akan menghidapi kanser payu dara bila masa mereka berumur 35 tahun.
- Daripada 10,000 wanita yang **tidak pernah mengambil tablet ini**, kira-kira **100** akan menghidapi kanser payu dara bila masa mereka berumur 45 tahun.
- Daripada 10,000 wanita yang **mengambil tablet ini selama 5 tahun pada awal tiga puluhan**, kira-kira **110** akan menghidapi kanser payu dara bila masa mereka berumur 45 tahun.

Risiko anda kepada kanser payu dara adalah lebih tinggi:

- Sekiranya anda mempunyai saudara terdekat (ibu, kakak atau nenek) yang telah menghidapi kanser payu dara
- Sekiranya anda secara serius terlebih berat badan.

Sila berjumpa doktor dengan secepat mungkin sekiranya anda perasan sebarang perubahan pada payu dara anda, seperti cawak pada kulit, perubahan pada puting atau sebarang benjolan yang anda boleh lihat atau rasa.

Pengambilan tablet ini juga telah dikaitkan kepada penyakit hati, seperti jaundis dan tumor hati bukan kanser, tetapi ini adalah jarang. Dengan sangat jarang, Tablet ini juga telah dikaitkan dengan sesetengah bentuk kanser hati pada wanita yang telah mengambilnya untuk jangka masa panjang.

Sila berjumpa doktor dengan seberapa segera sekiranya anda mengalami kesakitan teruk pada perut anda, atau kekuningan pada kulit atau mata (jaundis). Anda mungkin perlu berhenti mengambil Nordette 21 Tablet.

(c) Nordette 21 Tablet tidak boleh diambil oleh sesetengah wanita

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda mengalami sebarang masalah perubatan atau penyakit.

Jangan mengambil Nordette 21 Tablet sekiranya mana-mana yang berikut berkenaan kepada anda. Mengambil Nordette 21 Tablet akan meletakkan kesihatan anda pada risiko.

- Sekiranya anda **hamil**, berpendapat anda mungkin hamil atau menyusukan anak
- Sekiranya anda menghidapi kanser yang disebabkan oleh hormon seks – seperti **sesetengah kanser pada payu dara, lapisan rahim atau ovari**
- Sekiranya anda mengalami **perdarahan vagina** yang masih belum dijelaskan oleh doktor anda
- Sekiranya anda mengalami **penebalan lapisan rahim yang berlebihan**
- Sekiranya anda atau sesiapa dalam keluarga terdekat anda pernah mempunyai masalah dengan peredaran darah mereka. Ini termasuk **bekuan darah** (trombosis) pada kaki (trombosis vena dalam), paru-paru (embolisme pulmonari), jantung (**serangan jantung**), otak (**angin ahmar**), hipertensi (tekanan darah tinggi) atau mana-mana bahagian anggota badan lain
- Sekiranya anda menghidapi sebarang penyakit yang menjadikan anda **mempunyai lebih banyak risiko kepada bekuan darah** [trombosis – sila lihat bahagian (a), Tablet ini dan bekuan darah]
- Sekiranya anda mempunyai **paras lemak tinggi dalam darah anda** (paras **kolesterol** atau **trigliserida** tinggi)
- Sekiranya anda pernah menghidapi **penyakit hati yang teruk**
- Sekiranya anda pernah mengalami sebarang daripada **masalah berikut semasa hamil** atau semasa **menggunakan steroid**:
 - kegatalan keseluruhan badan (pruritus)
 - jaundis yang tidak disebabkan oleh jangkitan
 - ruam seperti kesan lecur, dipanggil *pemphigoid gestationis*
 - masalah pendengaran dipanggil otosklerosis
- Sekiranya anda menghidapi penyakit **eritematosus lupus sistemik (SLE)**
- Sekiranya anda **alergi** (hipersensitif) kepada mana-mana bahan kandungan dalam Nordette 21 Tablet (sila lihat bahagian 10, Maklumat lanjut, Bahan-bahan kandungan)

Sekiranya anda menghidapi mana-mana daripada penyakit ini, atau mengalami mereka buat pertama kali semasa mengambil Nordette 21 Tablet, sila hubungi doktor anda dengan secepat mungkin. Anda tidak boleh mengambil Nordette 21 Tablet.

(d) Nordette 21 Tablet boleh membuatkan sesetengah penyakit bertambah teruk

Sesetengah daripada penyakit yang disenaraikan di bawah boleh menjadi teruk dengan mengambil tablet ini. Atau mereka mungkin bermakna tablet ini adalah kurang sesuai untuk anda. Anda mungkin masih boleh mengambil Nordette 21 Tablet tetapi anda mungkin perlu mengambil perhatian khusus dan menjalani pemeriksaan lebih kerap.

- Sekiranya anda mempunyai masalah dengan jantung, peredaran atau pembekuan darah anda, seperti **penyakit jantung, tekanan darah tinggi** atau **penyakit sel sabit** (sejenis anemia)
- Sekiranya anda menghidapi **diabetes**
- Sekiranya anda menghidapi sebarang **penyakit ginekologi**, seperti **fibroid** atau **endometriosis**
- Sekiranya anda pernah menghidapi **penyakit ginjal** atau **hati**, atau pernah menghidapi **batu hempedu** di masa lepas
- Sekiranya anda pernah menghidapi **kemurungan teruk**
- Sekiranya anda pernah menghidapi **epilepsi** atau **migrain**
- Sekiranya anda mengalami **tompok-tompok perang pada muka atau badan anda** (kloasma)
- Sekiranya anda menghidapi vena varikos
- Sekiranya anda menghidapi **sklerosis berbilang**
- Sekiranya anda menghidapi kecelaruan metabolisme dikenali sebagai porfiria
- Sekiranya anda menghidapi **kekurangan kalsium dengan kekejangan otot** (tetani)

Pfizer Confidential

- Sekiranya anda menghidapi **asma**
- Sekiranya anda mengalami masalah memakai **kanta sentuh**.

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika mana-mana daripada penyakit ini berkenaan kepada anda. Juga beritahu mereka sekiranya anda mengalami mana-mana daripada penyakit ini buat pertama kali semasa mengambil tablet ini, atau mana-mana penyakit ini menjadi teruk atau berulang semula, kerana anda mungkin perlu berhenti mengambil Nordette 21 Tablet.

(e) Jika mengambil ubat-ubat lain

Sekiranya anda perlu untuk mengambil ubat lain pada masa yang sama semasa menggunakan Tablet, sila sentiasa memberitahu doktor, ahli farmasi atau doktor gigi anda bahawa anda sedang mengambil Nordette 21 Tablet. Juga periksa risalah yang datang bersama dengan semua ubat anda bagi melihat sama ada mereka boleh diambil dengan kontraseptif hormon.

Sesetengah ubat boleh menghalang Nordette 21 Tablet daripada berfungsi dengan betul – sebagai contoh:

- **sesetengah ubat digunakan untuk merawat epilepsi**
- **sesetengah ubat digunakan untuk merawat tuberkulosis**
- **sesetengah ubat digunakan untuk merawat HIV atau AIDS**
- **antibiotik tertentu**
- **sedatif tertentu** (dipanggil ‘barbiturat’)
- **St. John’s wort** (ubat herba).

Sekiranya anda perlu mengambil satu daripada ubat-ubat ini, Nordette 21 Tablet mungkin tidak sesuai untuk anda atau anda mungkin perlu untuk menggunakan pencegahan hamil tambahan untuk seketika. Doktor, ahli farmasi atau doktor gigi anda boleh memberitahu anda jika ianya adalah perlu dan untuk berapa lama.

Nordette 21 Tablet juga boleh menjejaskan keberkesanan ubat-ubat lain berfungsi. Sebagai contoh, sekiranya anda menghidapi diabetes, anda mungkin perlu mengambil lebih banyak insulin atau ubat anti diabetes lain semasa anda mengambil Nordette 21 Tablet. Doktor anda akan memberitahu anda sekiranya ini adalah perlu. Anda juga harus memberitahu doktor anda sekiranya anda telah dipreskrib dengan ubat dipanggil metyrapone, yang mana digunakan untuk merawat sindrom Cushings (kelenjar adrenal terlebih aktif). Nordette 21 Tablet mungkin juga mengganggu cara ubat ini berfungsi.

(f) Mengambil Nordette 21 Tablet dengan makanan dan minuman

Tiada arahan khusus mengenai makanan dan minuman semasa menggunakan Nordette 21 Tablet.

(g) Kehamilan dan menyusukan anak

Jangan menggunakan Nordette 21 Tablet sekiranya anda hamil. Sekiranya anda berpendapat yang anda mungkin hamil, sila lakukan ujian kehamilan untuk mengesahkan sebelum anda berhenti mengambil Nordette 21 Tablet.

Sekiranya anda menyusukan anak, doktor atau ahli farmasi anda mungkin menasihatkan anda untuk tidak mengambil Nordette 21 Tablet. Sila berbincang dengan mereka mengenai pencegahan hamil alternatif. Penyusuan anak tidak akan menghalang anda menjadi hamil.

(h) Pemanduan dan penggunaan mesin

Nordette 21 Tablet tidak mempunyai kesan yang diketahui terhadap keupayaan untuk memandu atau menggunakan mesin.

(i) Nordette 21 Tablet mengandungi laktosa dan sukrosa

Sekiranya anda telah diberitahu oleh doktor anda bahawa anda mempunyai intolerans kepada sesetengah gula, sila hubungi doktor anda sebelum menggunakan Nordette 21 Tablet.

8. Kesan-kesan sampingan

Sepertimana semua ubat, Nordette 21 Tablet boleh menyebabkan kesan sampingan, meskipun tidak setiap orang mengalaminya.

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda risau mengenai sebarang kesan sampingan yang anda berpendapat mungkin disebabkan oleh Nordette 21 Tablet.

8.1 Kesan sampingan serius – sila berjumpa doktor dengan segera

Tanda-tanda bekuan darah di dalam pembuluh vena termasuk:

- **Bengkak menyakitkan pada kaki anda**
- **sakit dada tiba-tiba**
- **kesukaran bernafas.**

Tanda-tanda serangan jantung atau angin ahmar termasuk:

- **migrain** buat pertama kali, atau migrain yang lebih teruk daripada normal
- sebarang **perubahan tiba-tiba kepada penglihatan anda** (seperti kehilangan penglihatan atau penglihatan kabur)
- masalah dengan pertuturan (seperti pertuturan yang tidak jelas atau kesukaran bercakap)
- **kelemahan** atau **kebas** tiba-tiba pada satu belah atau sebahagian daripada badan anda
- **kesakitan menusuk tiba-tiba pada dada anda** yang mungkin merebak ke lengan kiri anda
- kepeningan, pitam atau sawan
- kesakitan menusuk pada perut anda

Tanda-tanda tindak balas alergi teruk kepada Nordette 21 Tablet:

- **pembengkakan pada muka, bibir, mulut, lidah atau tekak**

Tanda-tanda kanser payu dara termasuk:

- **cawak** pada kulit
- **perubahan pada puting**
- sebarang **benjolan** yang anda boleh lihat atau rasa

Tanda-tanda kanser pada servik termasuk:

- **lelehan faraj** yang berbau dan mengandungi darah
- **perdarahan faraj** luar biasa
- **kesakitan pelvis**
- **kesakitan semasa hubungan seks**

Tanda-tanda masalah hati teruk termasuk:

- **kesakitan** teruk pada bahagian **abdomen atas** anda
- **kulit atau mata kuning** (jaundis)

Sekiranya anda berpendapat yang anda mungkin mengalami sebarang daripada tanda-tanda ini, sila berjumpa doktor dengan segera. Anda mungkin perlu berhenti mengambil Nordette 21 Tablet.

8.2 Kesan-kesan sampingan lain yang mungkin

- **perubahan kepada tekanan darah** seperti bengkak buku lali, tangan atau kaki (tetapi sekiranya tekanan darah anda meningkat dengan teruk atau tiba-tiba, atau anda pitam, sila berjumpa doktor dengan seberapa segera)
- **sakit kepala** (tetapi jika ianya teruk, atau sakit kepala adalah luar biasa atau berpanjangan, sila berjumpa doktor dengan seberapa segera)
- **pertambahan berat**
- **kehilangan berat**
- **sakit atau payu dara lebih besar**
- **perdarahan atau tompokan di antara pusingan haid anda** untuk beberapa bulan pertama (meskipun ini selalunya berhenti apabila badan anda menyesuaikan diri kepada Nordette 21 Tablet) – sila lihat bahagian 8.3, Perdarahan di antara pusingan haid tidak harus berpanjangan.
- **kemurungan, atau angin muram**
- **dorongan seks lebih rendah**
- **masalah perut**, seperti rasa loya; muntah-muntah
- **tindak balas kulit** seperti tompok perang pada muka dan badan (kloasma). Mengelakkan terlalu banyak sinaran matahari mungkin mengurangkan kesan ini.

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda risau mengenai sebarang kesan sampingan yang mana anda berpendapat mungkin disebabkan oleh Nordette 21 Tablet. Juga sila beritahu mereka sekiranya sebarang penyakit sedia ada menjadi teruk semasa anda mengambil Nordette 21 Tablet.

8.3 Perdarahan di antara pusingan haid tidak seharusnya berpanjangan

Beberapa orang wanita telah mengalami perdarahan kecil yang tidak dijangka atau tompokan semasa mereka mengambil Nordette 21 Tablet, terutamanya semasa beberapa bulan pertama. Kebiasaannya, perdarahan ini tidak perlu dirisaukan dan akan berhenti selepas sehari atau dua hari. Sila terus mengambil Nordette 21 Tablet seperti biasa. Masalah ini seharusnya hilang selepas beberapa strip pertama.

Anda juga mungkin mengalami perdarahan tidak dijangka sekiranya anda tidak mengambil tablet anda secara tetap, maka sila cuba untuk mengambil tablet anda pada masa yang sama setiap hari. Juga, perdarahan tidak dijangka boleh kadang kala disebabkan oleh ubat-ubat lain.

Sila buat temujanji untuk berjumpa doktor anda sekiranya anda mengalami perdarahan bulus atau tompokan yang:

- berlarutan untuk lebih daripada beberapa bulan pertama
- bermula selepas anda mengambil Nordette 21 Tablet untuk beberapa ketika
- berlarutan walaupun selepas anda telah berhenti mengambil Nordette 21 Tablet

9. Cara penyimpanan dan pelupusan NORDETTE 21 TABLET

Simpan di bawah suhu 25°C (77°F).

Jangan gunakan Nordette 21 Tablet selepas tarikh luput yang dinyatakan pada strip.

Pfizer Confidential

Jangan membuang sebarang ubat ke dalam longkang atau ke dalam tong. Sila bertanya kepada ahli farmasi anda apa yang perlu dilakukan dengan sebarang ubat yang anda tidak mahu. Ini akan membantu melindungi persekitaran.

10. Maklumat lanjut

- ***Rupa dan warna produk***

Nordette 21 Tablet adalah tablet putih, berkilat, bersalut gula dengan permukaan licin.

- ***Bahan-bahan kandungan***

Bahan aktif: levonorgestrel dan estrogen ethinylestradiol.

Bahan-bahan tidak aktif: laktosa monohidrat, kanji jagung, povidon, magnesium stearat, talkum, sukrosa, polietilena glikol, kalsium karbonat, lilin putih dan lilin karnauba.

- ***Nombor Pendaftaran***

MAL20013009A

11. Pengilang

Wyeth Medica Ireland Ltd
Newbridge, Co Kildare
Ireland

12. Tarikh Semakan

2 April 2012